

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan sungai di negara kita. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang sungai di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Sungai ialah anugerah alam yang perlu dijaga dan dipelihara kerana penting kepada seluruh kehidupan. Pencemaran sungai tidak hanya memberi implikasi terhadap ekosistem di dalamnya, tetapi turut memberi kesan kepada manusia, tumbuhan dan haiwan.

Sumber: www.bharian.com.my



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Negara kita kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional seperti congkak, gasing, galah panjang, batu seremban, teng-teng, tarik upih dan konda-konde diamalkan masyarakat dahulu sebagai pengisi masa lapang. Sayangnya permainan tradisional semakin dilupakan kerana perkembangan pesat aplikasi permainan secara maya. Dalam usaha mengekalkan tradisi rakyat ini, pelbagai pihak perlu mengambil inisiatif agar permainan ini tidak hilang ditelan zaman.

Sumber: Harian Metro

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha pelbagai pihak untuk mempopularkan permainan ini.

2.

Budaya buli di institusi berasrama termasuk sekolah, tentera dan polis sering dikaitkan dengan dominasi sosial yang diamalkan oleh golongan senior terhadap junior. Masalah buli memberi kesan negatif kepada mangsa seperti mengalami masalah kemurungan, prestasi akademik mangsa akan terjejas dan kecederaan fizikal yang teruk.

Sumber: hmetro.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kesan-kesan masalah tersebut.

3.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada suku pertama 2024 telah mencatatkan sebanyak 162 kes melibatkan pergaduhan antara kaum di seluruh negara. Dalam hal ini, penerapan nilai perpaduan sememangnya sangat penting untuk membentuk kerjasama pelbagai bangsa, mengekalkan keharmonian masyarakat serta memajukan ekonomi negara.

Sumber : SinarHarian.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan tersebut.

4.

KUALA LUMPUR : Ramai graduan hari ini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan bukan kerana kekurangan kelayakan tetapi disebabkan kurangnya persediaan sebelum memasuki alam kerjaya. Menurut kajian Kementerian Sumber Manusia, antara persediaan yang perlu dikuasai oleh graduan ialah kemahiran komunikasi kerana kemahiran ini penting bagi membantu menjalin hubungan positif dengan rakan sekerja dan pelanggan.

Sumber : Bernama.com.my

Huraikan persediaan yang terdapat dalam petikan di atas berserta persediaan - persediaan lain.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT